



SIARAN AKHBAR
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
13 JAMADILAWAL 1443H / 18 DISEMBER 2021M

MAKLUMAN
PENUTUPAN SEMENTARA BANGUNAN PASAR GADONG
BAGI KERJA-KERJA PEMBERSIHAN

Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan melalui Bahagian Perekonomian ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa penutupan sementara Bangunan Pasar Gadong bagi kerja-kerja pembersihan akan di lakukan pada tarikh dan masa seperti berikut:

| BIL | HARI/TARIKH | MASA |
|-----|--|----------------------------|
| 1 | Hari Isnin, 15 Jamadilawal 1443 / 20 Disember 2021 | 1.00 petang hingga selesai |
| 2 | Hari Isnin, 22 Jamadilawal 1443 / 27 Disember 2021 | |

2. Penutupan bagi kerja-kerja pembersihan ini merupakan kesinambungan kerja-kerja pembersihan yang dilaksanakan sebelum ini dalam usaha menangani penularan COVID-19 di negara ini selain menjamin kesejahteraan dan keselamatan orang ramai. Kerja-kerja pembersihan pada kali ini adalah inisiatif peniaga-peniaga Bangunan Pasar Gadong dengan sokongan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dimana ianya diharapkan dengan pelaksanaan kerja-kerja pembersihan ini akan dapat mencapai matlamat dan hasrat pihak kerajaan untuk memupuk kesedaran dan tanggungjawab bersama tentang nilai kebersihan dan keperluan mewujudkan persekitaran yang bersih.

TAMAT

Disediakan oleh: